

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	10 OCTOBER 2016

Dr Mahathir akui sukar tumbang kerajaan

BH - 10/10/2016

➔ BN terdiri daripada gabungan 14 parti komponen saling menyokong

Oleh Shamsul Kamal Amarudin
shaka@bh.com.my

► **Seri Manjung**

Tun Dr Mahathir Mohamad mengakui bukan mudah untuk menumbangkan sebuah parti kerajaan seperti Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Beliau yang kini menjadi Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) berkata, ia kerana BN terdiri daripada gabungan 14 parti yang saling menyokong antara satu sama lain setiap kali tiba PRU.

Katanya, berdasarkan pengalamannya sebagai Perdana

Menteri sebelum ini, setiap parti komponen dalam BN akan sentiasa menyokong calon dipilih tanpa mengambil kira perjuangan asal parti komponen terbabit.

Sentiasa kalah

“Parti lawan pula sentiasa kalah kerana hanya mementingkan diri sendiri, bila letak calon hanya fikir perjuangan dan matlamat parti masing-masing sahaja,” katanya berucap pada majlis PPBM Perak bersama Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tan Sri Muhyiddin Yassin di sini semalam.

Yang turut hadir, Muhyiddin selaku Presiden PPBM; Naib Presiden, Datuk Seri Muhriz Mahathir; isteri Dr Ma-

hathir, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Pengerusi PPBM Perak, Datuk Hamidah Osman.

Sehubungan itu, Dr Mahathir meminta semua parti pembangkang bersatu dan bekerjasama kerana hanya cara itu sahaja mereka boleh menumbangkan BN pada PRU akan datang.

Katanya, mana-mana parti pembangkang jangan meletakkan sebarang syarat serta harus melupakan seketika perjuangan asal jika benar-benar mahu menubuhkan kerajaan pada PRU akan datang.

➔ Tindakan Dr M cemar kemuliaan institusi Raja-Raja Melayu
di Ms.11